

## Majlis Bertadarus Al-Qur'an Sempena Bulan Ramadan

Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, pihak Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk mengadakan Majlis Bertadarus Al-Qur'an. Majlis bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan setelah selesainya mendirikan sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah setiap hari bekerja sepanjang bulan Ramadhan.

Majlis dihadiri oleh pegawai dan kakitangan bermula pada 3 Ramadhan 1430 Hijrah, pada hari pertama majlis dimulakan dengan

bacaan juz yang pertama iaitu Surah Al-Baqarah. Majlis dipimpin oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin, Juruteknik Foto Tingkat II.

Di bulan Ramadhan yang mulia ini kita disaran untuk memperbanyakkan amalan kebajikan kerana di bulan ini juga Al-Qur'an diturunkan menjadi petunjuk bagi sekalian manusia untuk menghuraikan keterangan-keterangan bagi membezakan antara yang benar dengan yang salah.

Beberapa fadilat juga diterangkan bagi orang-orang yang membaca Kitab Allah ini oleh

Junjungan kita Nabi Muhammad Solallahu `Alaihi Wasallam seperti dalam hadis riwayat Abu Daud: "Tidak berhimpun suatu kaum pada suatu rumah daripada rumah-rumah Allah Ta'ala (masjid-masjid) dengan membaca Kitab Allah dan bertadarus (membaca Al-Qur'an) di antara mereka, melainkan turun sakinah (ketenangan) ke atas mereka, diselubungi oleh rahmat, dilingkungi oleh para Malaikat dan Allah menyebut mereka di kalangan orang yang berada di sisi Nya."

## Majlis Khatam Al-Qur'an Jabatan Penerangan



Sebahagian daripada kakitangan yang hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena Bertadarus Al-Qur'an di jabatan ini. Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan 1430 Hijrah/2009 Masihi telah diadakan pada hari Khamis, 27 Ramadhan/17 September bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, ibu pejabat Jabatan Penerangan di Berakas.

Tetamu kehormat majlis pada petang itu ialah Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad

Melayong dan dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan jabatan dari keempat-empat daerah.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diikuti dengan Surah-surah Khatam yang diketuai oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin. Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim.

Bacaan Doa Khatam Al-Qur'an dipimpin oleh Awang Azman bin Haji

Abdul Rahim, Pegawai Penerangan. Manakala Doa Tahlil Arwah dan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin.

Majlis Khatam Al-Qur'an diadakan sempena berakhirnya bertadarus Al-Qur'an sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun 1430 Hijrah yang diadakan pada setiap hari bekerja selepas menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

**Sidang Redaksi**

**Penasihat**

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

**Ketua Pengarang**

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ahli Sidang Pengarang**

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

**Penyumbang Berita**

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md. Salleh  
Asnah Haji Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

**Penyemak**

Hajah Norpisah Md. Salleh

**Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd. Noor

**Fotografi**

Bahagian Fotografi  
&

Audio Visual

Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&

Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

**Reka letak**

Hajah Apsah Haji Sahdan

# Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera bagi semua warga Penerangan*

Pada bulan ini kita masih berada dalam bulan puasa, warga jabatan dalam kesibukan menjalankan tugas seharian tidak lupa sama-sama menyemarakkan lagi bulan ini dengan kegiatan-kegiatan keagamaan. Kelazimannya pada setiap tahun, selepas menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, akan diadakan majlis bertadarus setiap hari bekerja sepanjang bulan Ramadan. Majlis Khatamal Al-Qur'an juga diadakan menandakan berakhirnya bertadarus dalam bulan tersebut. Mudah-mudahan usaha seperti ini akan dapat pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wataala jua. Amin!

Bulan ini juga dimanfaatkan dengan latihan yang akan dapat meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan. Kemahiran memberi taklimat merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam kerja-kerja Jabatan Penerangan. Sebagai jabatan yang memberigakan maklumat kerajaan kepada orang ramai antaranya melalui siri-siri taklimat, mengadakan pertemuan dengan khalayak ramai, kebijaksanaan dan kemampuan seorang pegawai untuk berinteraksi akan dapat memberikan lebih keyakinan orang ramai kepada jabatan. Ini yang dihasratkan oleh jabatan kepada setiap pegawai dan kakitangan.

Aktiviti kemasyarakatan merupakan salah satu gerak kerja jabatan dalam mencapai visinya 'Ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Hubungan yang erat dan kerjasama yang sentiasa dijalin dengan masyarakat terus dipertingkatkan dengan jabatan mengadakan kunjungan ke Rumah Panjang Mapol. Di samping dapat beramah mesra, membuat kerja-kerja berkebakikan dan sesuai dengan bulan Ramadan ini, acara berbuka puasa bersama penghuni rumah panjang yang beragama Islam juga telah diadakan. Begitulah betapa hubungan jabatan dengan masyarakat terus dapat dijalin kerana adanya kerjasama yang jitu dari semua warga.

Sekian. Wassalam.

**DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG  
PENGARAH PENERANGAN**

**Isi Kandungan**

- Majlis Bertadarus Al-Qur'an Sempena Bulan Ramadan
- Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan
- Kursus Teknik Memberi Taklimat, Juruacara dan Pengerusi
- Aktiviti Keagamaan Di Bulan Ramadan Yang Mulia
- Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Teknik Bersama MOU Brunei Darussalam-Thailand
- Program Bimbingan Penggerak Negara Berzikir 2009
- Majlis Berbuka Puasa Rombongan Penerangan Di Kampong Mapol
- Majlis Khatam Al Qur'an Anjuran Jabatan Penerangan
- Keberkatan Surah Al-Faatihah
- MRO Bertugas
- Pegawai/Kakitangan Baru Berkhidmat
- Selama Hari Lahir
- Kelebihan Buah Kurma

1  
1  
3  
4  
5  
6  
7  
8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2381997.

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
Keluarnya setiap 2 kali seminggu ( Rabu dan Sabtu).

## Kursus Teknik Memberi Taklimat, Juruacara dan Pengerusi

Dalam mempelbagaikan kebolehan para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah mengendalikan Kursus Teknik Memeri Taklimat, Juruacara dan Pengerusi. Bengkel ini dijalankan dalam masa sehari di Jabatan Penerangan. Dua orang pegawai Jabatan Penerangan iaitu Awang Azman bin Hj Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pameran dan Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain, Pembantu Pegawai Luar, merupakan pegawai sumber yang memberikan taklimat di sepanjang kursus. Mereka dipilih atas dasar pengalaman mereka dalam bidang berkenaan.

Seramai 23 orang pegawai dan kakitangan di jabatan ini hadir dalam kursus tersebut. Sesi pertama, Taklimat Pengucapan Awam *Public Speaking* disampaikan oleh Awang Azman. Beberapa *tips* atau cara telah dikongsikan bersama, antaranya seseorangituharusmembuatpersiapan awal dan secukupnya, pilih tajuk yang diminati dan diketahui sepenuhnya, sentiasa memberi tumpuan dalam ucapan, berusaha mengatasi perasaan malu dan sebagainya berdasarkan dari pengalaman beliau sendiri.

Di samping itu Ampuan Roza Amalyati juga menghuraikan definisi sebenar Juruacara atau M.C dari perspektif beliau sepanjang karier dalam bidang ini. Beliau juga sudi mengongsikan *tips* untuk menjadi Juruacara yang baik dan berwibawa. Beliau juga menyentuh mengenai pentingnya tugas dan tanggungjawab seseorang dalam sesebuah majlis seperti taklimat, seminar dan sebagainya. Pengerusi majlis juga adalah orang yang bertanggungjawab



Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pameran semasa memberikan taklimat Pengucapan Awam *Public Speaking*.

memulakan majlis atau acara dan berperanan dalam memperkenalkan ahli panel yang hadir.

Di akhir kursus, ujian praktikal juga dijalankan kepada beberapa orang pegawai. Mereka diberikan peluang untuk tampil ke hadapan membaca beberapa perenggan tajuk dari akhbar Pelita Brunei. Di situ, mereka dinilai dari segi teknik membaca dan warna suara. Ulasan diberikan oleh para pegawai sumber yang menjayakan kursus ini. Kebanyakan mereka mempunyai suara yang baik dan bakat yang terpendam. Kredibiliti seumpama

inilah yang diperlukan pihak jabatan dan perlu tampilkan agar ramai lagi pelapis yang akan dilahirkan sebagai juruacara, pengerusi dan pegawai di jabatan ini selain dari yang sedia ada.



Sebahagian daripada peserta yang mengikuti Kursus Teknik Memberi Taklimat, Juruacara dan Pengerusi.



## Aktiviti Keagamaan Di Bulan Ramadan Yang Mulia



Seperti biasa aktiviti keagamaan khususnya Kelas Iqra dan Belajar Al-Qur'an diteruskan dibulan Ramadan yang mulia ini melalui bimbingan Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin, Juruteknik Foto Tingkat II.

## Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Teknik Bersama Memorandum Persefahaman Brunei Darussalam - Thailand



Delegasi dari Negara Brunei Darussalam bergambar kenangan ketika Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Teknik Bersama Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei dan Thailand.

Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Teknik Bersama Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Dengan Kerajaan Thailand Mengenai Kerjasama Bidang Penerangan dan Penyiaran telah diadakan di Bangkok, Thailand, pada 25 hingga 26 September yang lalu.

Seramai tujuh orang delegasi dari Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Patra, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, telah menghadiri mesyuarat tersebut. Jabatan Penerangan telah diwakili oleh Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan dan Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa.

Mesyuarat telah dibuka rasmi oleh Mr. Jaturong Panyadilok, Timbalan Setiausaha Tetap,

Jabatan Perdana Menteri Thailand. Antara atur cara Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat ialah ucapan dari Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand dan ucapan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Patra dalam ucapannya antara lain telah menyentuh mengenai program-program bidang penerangan dan penyiaran di bawah Memorandum Persefahaman yang mana telah berjalan dengan lancar sejak termetrainya Memorandum Persefahaman lapan tahun yang lalu. Pada tahun ini sebahagian dari program-program MoU telah terjejas disebabkan rantau kita dilanda oleh Pandemik Influenza A H1N1. Walau bagaimanapun wabak pandemik ini dengan secara langsung memberikan kita peluang kerjasama khususnya antara pihak media dan penerangan berkempen ke arah meningkatkan kesedaran kesihatan di kalangan rakyat dan penduduk

kita.

Mesyuarat dua hari telah dipengerusikan bersama oleh Mrs Ladawan Bua-aim, Pengarah Eksekutif, Jabatan Perhubungan Awam Thailand dan Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat antara lain telah membincangkan mengenai status projek-projek bidang penerangan dan penyiaran dan cadangan projek-projek baru. Mesyuarat diakhiri dengan penandatanganan surat persetujuan dan ucapan penutup oleh kedua-dua ketua delegasi.

Mesyuarat Ke-9 Jawatankuasa Teknik Bersama Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Petuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand Mengenai Kerjasama Bidang Penerangan dan Penyiaran akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada bulan Mei 2010.

### Program Bimbingan Penggerak Negara Berzikir 2009

Program Bimbingan Penggerak Negara Berzikir 2009 anjuran Intsitut Perkhidmatan Awam telah diadakan sepanjang bulan Ramadan 1430, bertempat di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam.

Jabatan Penerangan telah mencalonkan beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan ini untuk menghadiri program tersebut.

Mereka yang tercalon telah diberikan jadual bagi menghadiri program tersebut secara bergilir-gilir pada tarikh dan masa yang telah diaturkan.

**Hari Selasa, 25 Ogos - Jam 8:15 hingga 11.45 pagi**

Awang Haji Hassan bin Haji Ismail  
Awang Abdul Wahid bin Haji Halim  
Ak Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd Ali

**Hari Rabu, 26 Ogos - Jam 8:15 hingga 11.45 pagi**

Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini  
Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid  
Dayang Faridah binti Haji Kaderi@ Bujang

**Hari Khamis, 27 Ogos - Jam 8:15 hingga 11.45 pagi**

Awang Musa bin Mohiddin  
Awang Muhammad Suhud bin Haji Bungsu  
Wan Mohammad Sahran bin Wan Ahmadi

## Majlis Berbuka Puasa Rombongan Penerangan di Kampung Mapol

Seramai 40 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong telah berkunjung ke Rumah Panjang Kampung Mapol, Ulu Tutong pada 7 dan 8 September.

Beberapa agensi kerajaan lain terdiri daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Tutong, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan kru dari Jabatan Radio dan Televisyen Brunei telah ikut serta. Hadir sama Penghulu Mukim Rambai, Ketua Kampung dan Imam Masjid Kampung Benutan.

Rumah Panjang Kampung Mapol terletak kira-kira 50 kilometer daripada Bandar Tutong dan boleh dihubungi melalui jalan darat melalui Kampung Benutan sepanjang dua kilometer atau 15 minit perjalanan dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda kerana keadaan jalan yang licin dan berbongkol-bongkol terutamanya di musim hujan dan jika jalan tidak becak kenderaan biasa boleh melalui jalan tersebut. Pengangkutan utama di kawasan berkenaan ialah bot kecil yang menghubungkan dengan kampung-kampung disekitarnya.

Isu pengangkutan adalah antara masalah yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk kampung di samping masalah penghijrahan



Rombongan diketuai oleh Pengarah Penerangan, bergambar ramai bersama Penghuni Rumah Panjang Kampung Mapol.



Beramai-ramai menikmati juadah berbuka puasa dan seterusnya sembahyang berjemaah bersama penghuni Rumah Panjang.

generasi baru yang disebabkan oleh skim penempatan semula, peluang-peluang kerja dan faktor lain, sehingga ke hari ini hanya lima orang penduduk sahaja yang menghuni rumah panjang tersebut berbanding pada tahun 1970 seramai 70 orang. Majoriti mereka adalah terdiri daripada bangsa Iban yang kesemuanya telah memeluk agama Islam, empat orang daripada mereka telah menunaikan Fardhu Haji yang dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang dua hari satu malam tinggal di rumah panjang itu telah memberikan gambaran dan pengalaman bersahur dan berbuka puasa bersama dengan penduduk rumah panjang di bulan Ramadan. Beberapa aktiviti juga telah diadakan seperti membersihkan surau, Sembahyang Terawih Berjamaah, bertadarus dan lain-lain. Pasukan Bomba dan Penyelamat dari Balai Bomba Tutong, diketuai oleh Awang Ariffin bin Haji Sulaiman telah mengadakan demonstrasi dan melatih para penduduk di sana mengenai faktor keselamatan. Jabatan berkenaan juga telah mengagih-agihkan peralatan pemadam api yang baru untuk kegunaan rumah panjang tersebut.

Kampung Mapol juga mempunyai kemudahan-kemudahan lain seperti sebuah rumah yang dibangun oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pam serta tangki air, telefon berkuasa solar, Perkhidmatan Doktor terbang dan lain-lain.

Dengan adanya Program Bedudun seumpama ini akan membuka lebih banyak ruang bagi mengeratkan lagi hubungan di antara kerajaan dan rakyat khususnya penduduk di daerah pedalaman.



Sesi soal jawab bersama penduduk kampung dan penyampaian sumbangan kepada penghuni Rumah Panjang yang disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Perjalanan yang dilalui rombongan jabatan sebelum sampai ke Kampung Mapol.

## Majlis Khatam Al-Qur'an Anjuran Jabatan Penerangan Dengan Kerjasama Pusat Dak'wah Islamiah Daerah Tutong dan Majlis Takmir Masjid Kampong Benutan

Jabatan Penerangan dengan kerjasama Pusat Dakwah Islamiah dan Majlis Takmir Masjid Kampong Benutan, Daerah Tutong telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Penduduk Kampong Benutan bertempat di Masjid Kampong Benutan, Mukim Rambai Daerah Tutong pada 17 Septembar.

Hadir di majlis tersebut ialah Penasihat Majlis Perundingan Mukim Rambai Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis bermula dengan ucapan Pemangku Imam Masjid Kampong Benutan Awang Muhd. Ghazali bin Muhd Ariffin selaku Pengerusi Bersama, seterusnya majlis diselajurkan dengan penyampaian cenderamata kepada 16 orang peserta khatam dan tetamu kehormat majlis kemudian menyampaikan wakaf berupa alat pembesar suara kepada Pemangku Imam Masjid Kampong Benutan.

Acara berakhir dengan berbuka puasa dan diikuti dengan Sembahyang

Fardu Maghrib Berjemaah.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Penerangan dan Pusat Dak'wah Islamiah Daerah Tutong, Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampong Benutan dan Jawatankuasa Takmir Masjid

Berita sumbangan:  
Penolong Pegawai Penerangan, Daerah Tutong.

### *Keberkatan Surah Al-Ikhlās*

#### *Ketika Memulakan Kerja*

*Bacalah ayat ini sebelum anda memulakan apa-apa saja kerja kerana dengan bacaan ini akan keluarlah iblis dan syaitan yang berada didalam tubuh kita dan juga di sekeliling kita, mereka akan berlari keluar umpama cacing kepanasan.*

#### *Sebelum Masuk Ke Rumah*

*Sebelum anda masuk rumah, bacalah surah Al-Ikhlās (sebanyak 3 kali. Masuklah rumah dengan kaki kanan dan dengan membaca bismillah. Berilah salam kepada anggota rumah dan sekiranya tiada orang di rumah berilah salam kerana malaikat rumah akan menjahut.*

*Amalkanlah bersolat kerana salam pertama (ianya wajib) yang diucapkan pada akhir solat akan membantu kita menjawab persoalan kubur. Apabila malaikat memberi salam, seorang yang jarang bersolat akan sukar menjawab salam tersebut. Tetapi bagi mereka yang kerap bersolat, amalan daripada salam yang diucap di akhir solat akan menolongnya menjawab salam malaikat itu.*

#### *Ketika Sakit*

*Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: Barangsiapa membaca surah Al-Ikhlās sewaktu sakit sehingga dia meninggal dunia, maka dia tidak akan membusuk di dalam kuburnya, akan selamat dia dari kesempitan kuburnya dan para malaikat akan membarukannya dengan sayap mereka melintasi titian siratul mustaqim lalu menuju ke syurga. Demikian diterangkan dalam Tadziqaratul Qurthuby).*

#### *Khatam al-Quran*

*Rasulullah SAW pernah bertanya sebuah teka-teki kepada umatnya: Siapakah antara kamu yang dapat khatam Qur'an dalam jangka masa dua-tiga minit? Tiada seorang dari sahabatnya yang menjawab. Malah Saiyyidina Ummar telah mengatakan bahawa ianya mustahil untuk mengatam Qur'an dalam begitu cepat.*

*Kemudiannya Saiyyidina Ali mengangkat tangannya. Saiyyidina Ummar bersuara kepada Saiyyidina Ali bahawa Saiyyidina Ali (yang sedang kecil pada waktu itu) tidak tahu apa yang dikatakannya itu. Lantas Saiyyidina Ali membaca surah Al-Ikhlās tiga kali. Rasulullah SAW menjawab dengan mengatakan bahawa Saiyyidina Ali betul.*

*Membaca surah Al-Ikhlās sekali gajarnya sama dengan membaca 10 jus kitab Al-Quran. Lalu dengan membaca surah Al-Ikhlās sebanyak tiga kali qatamlah Quran kerana ianya sama dengan membaca 30 jus Al-Quran.*

#### *Pahala Membacanya*

*Berkata Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Ketika saya (Rasulullah SAW) israk ke langit, maka saya telah melihat Arasy di atas 360,000 sendi dan jarak jauh antara satu sendi ke satu sendi ialah 300,000 tahun perjalanan. Pada tiap-tiap sendi itu terdapat padang sahara sebanyak 12,000 dan luasnya setiap satu padang Sahara itu seluas dari timur hingga ke barat.*

*Pada setiap padang sahara itu terdapat 80,000 malaikat yang mana kesemuanya membaca surah Al-Ikhlās. Setelah mereka selesai membaca surah tersebut maka berkata mereka: Wahai Tuhan kami, sesungguhnya pahala dari bacaan kami ini kami berikan kepada orang yang membaca surah Al-Ikhlās baik ianya lelaki mahupun perempuan.*

*Sabda Rasulullah SAW lagi: Demi Allah yang jiwaku ditanganNya, sesungguhnya Qul Huwallahu Ahadu itu tertulis di sayap malaikat Jibrail a.s, Allahus Somad itu tertulis di sayap malaikat Mikail a.s., Lamyalid walam yuulad tertulis pada sayap malaikat Izrail a.s, Walam yakullahu kufurwan ahadu tertulis pada sayap malaikat Israfil a.s.*

## Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan September

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) di Bahagian Perkhidmatan Media adalah merupakan satu produk perkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawal selia, menyelaras serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, sama ada dari segi pakaian dan liputan.



Gambar sumbangan: Dayang Faridah binti Haji Kaderi. Bahagian Perkhidmatan Media.

06 September	Majlis Memperingati Nuzul Al-Qur'an di Pusat Persidangan Antarabangsa.
30 September	Sambutan 80 Tahun Brunei Shell Petroleum di Ibu Pejabat Brunei Shell Petroleum, Seria.

Jadual dan gambar disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Media

## Pegawai /Kakitangan Baru Berkhidmat



Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail  
Jawatan: Penolong Pegawai Penerangan  
Tarikh melapor: 1 September 2009



Dayang Nurul Hazwani binti Abu Bakar  
Jawatan: Penyemak  
Tarikh melapor: 14 September 2009

## Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad dan suami kerana selamat menimang cahaya mata pertama seorang anak damit perempuan pada 21 September 2009.

## Selamat Hari Lahir

Awang Mohd. Suhud bin Haji Bungsu	2 September
Awang Alias bin Haji Kalong	3 September
Dayang Norhayani binti Haji Abdul Latif	10 September
Dayang Hajah Sujimarwati binti Mehari	10 September
Awang Haji Ahat bin Haji Ismail	15 September
Awang Wahid bin Haji Halim	21 September
Awang Ismale bin Haji Abdul Rahman	21 September
Ampuan Haji Mahmood bin Ampuan Haji Tengah	22 September
Dayang Noraisah binti Muhammed	24 September
Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya	24 September
Awang Musa bin Mohiddin	27 September
Dayang Masnah binti Haji Mohd. Tamin	28 September

## Kelebihan Buah Kurma

Pada bulan Ramadan ini, kita disunatkan memakan kurma oleh Rasulullah, kerana kurma itu sangat bermanfaat. Buah kurma atau dalam bahasa Arab 'tamar' adalah dari tanaman jenis palma seperti kelapa sawit sementara buahnya bertangkai seperti buah pinang. Kurma mengandungi khasiat pemakanan yang tinggi seperti kismis dan aprikot kering. Antaranya kurma kaya dengan protein, serat, gula, vitamin A dan C serta zat galian seperti besi, kalsium, sodium dan potassium.

Kandungan protein di dalam kurma lebih kurang 2%, serat hampir 4% manakala kandungan gulanya 50 hingga 57% glukosa. Ini menunjukkan kandungan gula di dalamnya telah ditukar secara semulajadi. Bermakna apabila kita memakan kurma, tenaga yang diserap badan adalah sertamerta. Gula di dalam kebanyakan buah-buahan dikenali sebagai fruktosa dan gula tebu atau gula pasir yang biasa mengandungi sukrosa tidak boleh menyerap terus dalam badan. Ia terpaksa dipecahkan dahulu oleh enzim sebelum bertukar menjadi glukosa lalu diserap badan sebagai tenaga.

Kulit kurma yang mengandungi serat, amat baik untuk mencegah barah usus kerana ia melawaskan. Sementara kandungan vitamin A dan C amat tinggi dan banyak mengandungi potassium yang diperlukan oleh badan untuk sistem saraf. Memang dalam susu, yogurt dan makanan laut juga mengandungi potassium tetapi jumlahnya sedikit.

Pengambilan potassium yang berlebihan tidak mengumpul toksik di dalam badan dan tidak memudaratkan. Sebaliknya ia merangsang selera makan bagi yang berpenyakit serta bagus untuk golongan yang mengalamai sembelit, lemah otot, sengal-sengal badan, letih, lesu, mengalami tekanan serta menguatkan daya ingatan.

Ramai beranggapan hanya kismis yang baik untuk menguatkan ingatan, sebenarnya kurma juga adalah standing. Kurma diakui sebagai buah berkhasiat dan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu' minun ayat 19, "Kemudian Kami tumbuhkan kerananya kebun kurma dan anggur untuk kamu. Di sana kamu peroleh



Kurma kaya dengan protin, serat, gula, vitamin A dan C serta zat galian seperti besi, kalsium, sodium dan potassium.

*buah-buahan yang banyak dan sebahagiannya kamu makan."*

Umat Islam digalakkan berbuka puasa dengan kurma bersandarkan sabda Rasulullah yang mana maksudnya: "Rumah yang tiada kurma seperti rumah yang tiada mempunyai makanan." Kurma diangkat tinggi oleh Rasulullah kerana mempunyai nilai kandungan makanan yang tinggi.

Disunatkan berbuka dengan kurma kerana orang berpuasa tidak makan selama 12 jam. Kurma menyumbang tenaga sertamerta kepada si pemakan dan ini sekaligus memberikan tenaga untuk beribadat dan menunaikan Sembahyang Maghrib dan Terawih. Apabila badan terasa segar dan bertenaga ia menghalang kita makan berlebihan mengikut nafsu. Kadangkala waktu berbuka kita makan terlalu banyak, tetapi masih letih dan tidak bertenaga. Sebabnya makanan yang diambil kebanyakannya mengandungi karbohidrat tanpa tenaga serta merta menjadi penyebab apabila selesai makan mata pun mengantuk.

Diriwayatkan oleh Aishah Radiallahu Anha yang menjelaskan, kurma mengandungi ubat: "Sesiapa yang selalu makan kurma akan dihindari daripada terkena racun yang dimakan."

Dikisahkan sewaktu Mariam melahirkan Nabi Isa Alaihissalam di

bawah pohon kurma. Telah datang Malaikat Jibril menyuruh Mariam menggegar pohon kurma lantas memakan buahnya. Dengan izin Allah, ia memudahkan kelahiran Nabi Isa Alaihissalam.

Dalam bidang perubatan dengan ketiadaan kolestrol, lemak dan gula di dalam kurma, ia amat baik untuk meredakan tekanan darah tinggi. Dalam perubatan homeopathy, biji kurma dikisar halus atau dijadikan serbuk seperti teh, direndam dan diminum bagi menyembuhkan pelbagai penyakit.

Melalui petua tertentu, kurma dimakan bersama badam dan madu untuk mennyembuhkan penyakit. Kurma dikatakan menambah tenaga batin. Jus buah kurma mungkin baru di negara ini. Di negara pengeluar selain buah kurma segar, kering atau salai, kurma dibuang biji dan diganti dengan kacang tanah, badam atau gajus bagi menambah keenakannya. Kurma juga dibuat jem, sirap atau bahan tambahan dalam aiskrim.

Kita seharusnya memakan buah kurma bukan hanya di bulan Ramadan. Kurma baik dijadikan pengganti makanan ringan yang hanya mengandungi karbohidrat, garam, lemak dan gula berlebihan yang boleh membawa pelbagai jenis

Penulis: Puan Hajah Hamidah Ahmad